

Qalam

Bilangan 116 Ramadan 1379 Mac 1960 60 sen

Menyambut Ramadan

Bersempena dengan keluaran ini, kita telah berada di dalam berpuasa bulan Ramadan. Tidak payah rasanya kita menerangkan tentang apa ertinya puasa. Di sini kita hanya mengucapkan tahniah kepada umat Islam yang sedang berpuasa, semoga puasa kita diterima dan diredai Tuhan.

Kita hanya berpesan, semoga orang-orang yang uzur yang tidak dapat berpuasa, atau musafir-musafir, yang diluluskan tidak berpuasa, hendaklah menjaga kehormatan Ramadan, jangan menunjuk-nunjukkan kepada umat makan dan minum di tengah-tengah jalan dengan tidak tabik kecualinya. Takutilah akan Allah – semoga kita mendapat rahmat dan kebahagiaan – Amin.

* * *

Keutamaan Bagi Orang-Orang Melayu Singapura

Baharu-baharu ini, kerajaan Singapura telah mengisytiharkan bahawa kerajaan akan memberi pelajaran-pelajaran percuma kepada anak-anak Melayu yang belajar di sekolah *secondary* (menengah) dan ke universiti bagi anak-anak Melayu diperanakan di sini yang ayahnya rakyat Singapura. Langkah kerajaan ini diambil, kata kenyataan itu, ialah kerana memberikan keistimewaan kepada mereka mengikut yang tertulis di dalam perlembagaan.

Kenyataan ini tentulah disambut dengan rasa syukur dan gembira oleh orang-orang Melayu kerana mereka menyedari bahawa kelemahan orang-orang Melayu di dalam bersaing untuk mendapat pelajaran tinggi ialah kerana tidak mempunyai

kemampuan. Banyak anak-anak Melayu yang boleh belajar dan diharap boleh maju di dalam pelajarannya tetapi terpaksa meninggalkan bangku pelajarannya kerana ayah dan bondanya tidak mempunyai kemampuan untuk memberi belanja hari-hari, untuk membeli buku-buku dan bayaran sekolah bahkan bukan itu sahaja, bagi mereka-mereka yang diharap meningkat ke pelajaran tinggi terpaksa tak dapat meneruskan pelajarannya disebabkan terpaksa mencari nafkah untuk membantu kehidupan ayah dan bondanya.

Kenyataan kerajaan yang diumumkan itu, menurut pendapat kita, ada moleknya dikemukakan ke Majlis Mesyuarat Negeri, supaya diperundang-undangkan dengan semestinya – untuk mengubah undang-undang yang barangkali telah ada terlebih dahulu. Dengan diperundang-undangkan itu tentulah orang-orang Melayu lebih kuat lagi keyakinannya dan kepercayaannya kepada bantuan-bantuan itu dan kelak tidak pula keadaannya berubah apabila berubah pemerintahan, berubah pula nasib pelajar-pelajar Melayu.

Terlanjur kita keperkatakan¹ perkara ini, maka kita berasa sudah pada tempatnya kerajaan Singapura, melantik suatu badan tetap yang bakal menyelenggarakan maksud perlembagaan memberikan keistimewaan kepada orang-orang Melayu. Keistimewaan itu, tidaklah hendaknya terletak pada akuan sahaja, tetapi mustahak pula melaksanakan terutamanya apabila melihat yang orang-orang Melayu di Singapura mundur di dalam serba-serbinya: Baik dalam pelajarannya, ekonominya dan lain-lainnya sama ada mustahaknya keutamaannya di dalam jabatan-jabatan kerajaan.

Badan ini, besar sungguh ertinya kepada orang-orang Melayu, kerana ia kelak dapat pula memikirkan apakah hajat atau bantuan-bantuan yang mustahak diberikan kepada orang-orang Melayu yang sedang hidup menggelisah di tanah airnya sendiri. Dengan ini dapatlah jasa-jasa baik kerajaan itu berkekalan dipandang baik oleh orang-orang Melayu.

* * *

Kebangsaan Melayu

Dato' Onn Bin Ja'afar (Parti Negara), dengan disokong oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy (PAS) telah

¹ memperkatakan

mengemukakan di dalam *Parliament* Persekutuan Tanah Melayu yang bersidang baharu-baharu ini bahawa Melayu adalah dikehendaki bangsa kebangsaan penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Cadangan yang dikemukakan oleh Dato' Onn ini, akan diperbahaskan kelak dalam sidangnya pada bulan April yang akan datang.


Semenjak daripada terbitnya Malayan Union yang dibawa oleh Sir Harold MacMicheal, maka orang-orang Melayu, yang belum pernah bersatu seumpamanya, telah menentang rancangannya Sir Harold MacMicheal untuk menjadikan nama kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu itu dengan "Malayan". Orang-orang Melayu bertahan dengan kuatnya menghendaki supaya nama bangsa bagi Persekutuan Tanah Melayu ialah "Melayu" – bukan lain daripadanya.

Melihat kepada perpaduan orang-orang Melayu yang sebegitu rupa – akhirnya sebelum merdeka sehingga kepada merdeka sekarang Persekutuan Tanah Melayu tidak mempunyai satu rupa bangsa kebangsaan.

Parti Kebangsaan Melayu, yang telah dapat mempengaruhi orang-orang yang bukan Melayu, dapat bersatu di dalam gabungan yang bernama PUTERA – M. A. P. C. J. A.² telah dapat mempersetujui supaya **Melayu** adalah menjadi nama kebangsaan bagi Persekutuan Tanah Melayu tetapi cita-cita ini telah ditolak oleh PEKEMBAR (UMNO) yang diketuai oleh Dato' Onn sendiri – yang juga memperjuangkan bangsa Melayu.

Di dalam perjuangannya sendiri, Dato' Onn dahulu, tidak mau menegaskan apa rupa bangsa Persekutuan Tanah Melayu. Keluarnya Dato' Onn daripada UMNO tidak lain dan tidak bukan sebabnya adalah persoalannya tersinggung di dalam soal rupa bangsa dan kedudukan anak-anak dagang.

Persoalan menentukan rupa bangsa ini adalah suatu persoalan yang sangat diperhatikan oleh orang-orang Melayu semenjak dari dahulu lagi, terutamanya, sesudah peristiwa MacMichael dengan Malayan Union. Sesudah merdeka pun pemimpin-pemimpin Perikatan nampaknya dari satu



Suatu pemandangan di dalam bahagian buku-buku bacaan sekolah penerbitan Qalam di pameran buku-buku yang diadakan dalam masa menyambut minggu bahasa di Dewan Tengku Abdul Rahman di Kuala Lumpur pada awal bulan Februari yang lalu.

² sepatutnya AMCJA

ke satu masa tidak berani menjelaskan kedudukan mereka mengenai kedudukan menentukan rupa bangsa di Persekutuan Tanah Melayu. Sungguhpun pada amalnya berjalan rupa bangsa itu dengan nama Malayan dengan diasaskan mereka supaya anak-anak dagang tidak lagi terasa bagaimana perasaan mereka tersentuh kalau dinamakan **Melayu**.

Sangkaan ini, adalah terjadi kerana di dalam tafsiran yang dikatakan **Melayu** ialah orang **rakyat negeri-negeri yang beragama Islam** – pada hal ahli-ahli siasah Melayu, lain pula tafsirannya bahawa yang dikehendaki dengan **Melayu** ialah **bangsa** – sedang agama tidaklah ada kena mengena dengan kedudukan bangsa. Orang-orang yang berasal daripada orang-orang Cina dan India boleh disebut Melayu sebagai rupa bangsanya dengan menggelarkan Cina Melayu, India Melayu seperti di Indonesia – Cina Indonesia dan seterusnya – iaitu memberikan hak-hak yang penuh kepada rakyat-rakyat yang penuh taat setianya kepada negeri ini.

Adakah pihak UMNO, akan tidak reda dengan Melayu seperti rupa bangsa? Adakah rakyat Melayu dari dahulu tidak memperjuangkannya? Soal ini terang berjalan. Mereka memperjuangkan bahawa **Melayu** ialah **sebagai bangsa** – bukan kaum. Langkah-langkah memperjuangkan hak-hak mutlak bangsa Melayu di tanah airnya adalah suatu perjuangan bukan perjuangan perkauman – tetapi perjuangan bangsa. Orang-orang yang mengatakan perkauman yang terdiri daripada orang-orang Melayu sendiri, adalah dipandang oleh pejuang-pejuang itu tidak lain daripada akan merosakkan kedudukan bangsa Melayu di tanah airnya.

Kerana mengetahui inilah, harus, pemimpin-pemimpin Melayu yang berkuasa sekarang masih samar-samar dalam mengisytiharkan perdirian³ mereka di dalam pekerjaan ini. Mereka harus bimbang bahawa kalau mereka berterang-terang menolak Melayu sebagai bangsa maka rakyat Melayu tidak akan berdiri di belakangnya. Ia akan tidak mendapat sokongan-sokongan daripada bangsa sendiri - sedang kalau ia mengisytiharkan Melayu sebagai bangsa

sudah tentu pula rakan-rakannya orang lain akan berdiri tegas membangkang.

Inilah keadaannya – dan persoalan ini telah jadi rumit. Sekiranya Dato' Onn dahulu berjuang terus di dalam hal ini semenjak daripada Malayan Union maka tidaklah persoalan ini sekarang menjadi sebegitu rumit seperti hari ini. Inilah yang sangat disesalkan kerana rupanya baharu sekarang Dato' Onn menyedari bagaimana mustahaknya persoalan ini. Hanya sanya persoalannya sekarang dikemukakan dalam masa keadaan sudah banyak berubah dan tidak semudah seperti dahulu.

Walau bagaimanapun, kita harap⁴ orang-orang Melayu akan terus berjuang dan memperjuangkan bahawa Melayu adalah sebagai bangsa yang berdaulat – bukan sebagai kaum yang ditafsirkan orang lain ke atasnya.

* * *

Ubat Beranak

\$15.50



Ubat beranak yang masyhur ini sangat digemari oleh ibu-ibu yang beranak di serata Tanah Melayu, Sarawak, Brunei dan Siam.

*Dengan menggunakan ubat ini **tak payah berdiang – tak payah resali**, badan sentiasa sihat dan segar.*

Sekotak \$15.50 cukup untuk penggunaan⁵ sekali beranak. Tambah belanja post 60 sen.

YAHYA ARIFF

37, Jalan Kangsar, Kuala Kangsar

³ pendirian

⁴ Mungkin berharap kerana ada huruf ra tetapi ba hilang

⁵ Kesalahan teks. Sepatutnya penggunaan